

PIPIT PELANDUK
White Wagtail

FAMILI: Motacillidae
NAMA SAINTIFIK: *Motacilla alba*

CIRI-CIRI

Bagi burung jantan di luar musim membiak, ia mempunyai bahagian kepala dan bawah badan berwarna putih, bahagian belakang kepala berwarna hitam manakala bahagian atas badan dan sayap berwarna hitam dengan terdapat garis putih di bahagian tepi sayapnya. Bagi burung jantan di dalam musim membiak, *M.a.alboides* dan *personata* mempunyai keseluruhan bahagian tekak yang berwarna hitam; *baicalensis* dan *ocularis* mempunyai bahagian yang berwarna hitam di bahagian bawah tekak dan atas dada. Bagi burung betina pula, ia seakan-akan burung jantan tetapi ia mempunyai bahagian atas badan yang berwarna kelabu gelap. *M.a.alboides* mempunyai bahagian atas badan berwarna lebih gelap berbanding burung jantan; *personata* mempunyai bahagian belakang kepala dan belakang tengkuk berwarna kelabu yang lebih terang berbanding burung jantan; *baicalensis* hampir sama dengan *leucopsis* tetapi bahagian atas badan agak lebih pudar. Bagi burung juvenil pula, ia seakan-akan burung betina tetapi bahagian atas kepala dan belakang tengkuk berwarna kelabu. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 19 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga dan haiwan-haiwan kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh ditemui di kawasan terbuka dan kawasan berhampiran dengan air. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 2,000 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *tsli-vitt*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Mac hingga bulan Jun pada setiap tahun. Sarang adalah berbentuk cawan yang dibina di lubang pada batu atau dinding, di celah-celah semak dan juga di tebing. Burung betina boleh menghasilkan 4 hingga 6 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah putih ke putih kekelabuan dengan terdapat bintik-bintik kelabu coklat. Anggaran saiz telur adalah di antara 21.3 x 15.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.